

# MINGGUAN MALAYSIA

## 3 FEBRUARI 2013

### Pemimpin muda ATM perlu jadi satria

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mengingatkan pemimpin muda Angkatan Tentera Malaysia (ATM) agar menjadi satria dan pahlawan bangsa yang mempunyai keberanian luar biasa serta bersedia mengabdikan diri kepada tuntutan iaitu mempertahankan agama, bangsa dan tanah air.

Seri Paduka bertitah, tanggungjawab mempertahankan maruah agama, tanah air dan kemakmuran negara merupakan pengorbanan mulia serta perjuangan yang diamanahkan rakyat, justeru wajib dilaksanakan dengan penuh integriti dan beretika oleh para pegawai tentera.

"Walaupun negara kita berada dalam keadaan aman dan sejahtera, segala cabaran dan krisis yang timbul hendaklah sentiasa diberikan perhatian serius.

"Krisis ekonomi dan kewangan

global, konflik antarabangsa, ancaman pengganas dan bencana alam sekitar semuanya memberikan impak terhadap negara dan bangsa.

"Kita harus memberikan perhatian dan mempersiapkan pemimpin-pemimpin muda ATM bagi menangani perkara ini dan perlu sentiasa berwaspada dalam menghadapi ancaman keselamatan yang lain," titah Seri Paduka.

Tuanku Abdul Halim bertitah demikian sempena Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini hari ini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah dan Pro Canselor UPNM, Brigedier Jeneral Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Yang hadir sama Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Seri Paduka menyeru agar UPNM mampu menjadi institusi ilmu yang ulung dan dihormati, tersohor dalam tradisi ilmu dan intelektualnya, anjal dengan perubahan persekitaran serta mempunyai nilai-nilai luhur.

Pada majlis itu, Pegawai Rendah Muda, Bambang Adi Sumantri Bambang Sukocho terpilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan sementara Pegawai Rendah Muda, Muhammad Fuad Jaafar diumumkan Pegawai Kadet Terbaik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM); Pegawai Rendah Muda, Muhammad Fitri Sapi'i (Tentera Darat) dan Pegawai Rendah Muda, Mohammed Daniel Halim (Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)).

Sebanyak 297 Pegawai Kadet pengambilan 2006, 2007 dan 2008 menerima watikah masing-masing dengan 168 ditauliahkan ke dalam perkhidmatan Tentera Darat, 51 (TLDM) dan baki 78 (TUDM).



TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menganugerahkan Pegawai Terbaik Keseluruhan kepada Bambang Adi Sumantri Bambang Sukocho sempena Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.

- MINGGUAN/FAUZI BAHARUDIN